


16 - 31 MEI, 2023

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

**WALAUPUN** sudah berusia lebih 200 tahun, Masjid Melayu Lebuh Acheh kini masih lagi teguh berdiri dengan mengekalkan nilai warisan dan keaslian reka bentuk sejak berzaman lamanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Melayu Lebuh Acheh, **DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA** telah menggalas tanggungjawab dengan baik dalam memelihara serta memulihara warisan masjid ini.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** berkesempatan menemu bual beliau untuk melihat unsur warisan yang masih dikekalkan sehingga layak mendapat Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.



**DR. Mujahid Yusof Rawa menunjukkan sijil penghargaan Anugerah Cemerlang Warisan 100 Tahun Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri yang diterima baru-baru ini.**

# Masjid Melayu Lebuh Acheh

## warisan dikekalkan, beribadah dalami Islam

**Tertakluk Akta Warisan**

Menurut Mujahid, Masjid Melayu Lebuh Acheh diasaskan oleh Tengku Syed Hussain Al-Aidid yang berasal dari Acheh, Sumatera, Indonesia dan kini tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

"Pihak masjid perlu mengekalkan ciri-ciri asal masjid ini mengikut piawaian yang telah ditetapkan, terutamanya dalam mengekalkan *standard* pelancongan warisan di kawasan ini agar tidak dikenakan denda.

"Sudah tentu, pihak kami ingin mempamerkan gambaran positif apabila berkunjung ke sini dan memastikan masjid ini kekal menjadi tarikan pengunjung yang datang dari pelbagai latar belakang etnik dan agama.

"Tiada sebarang pengubahsuaian dilakukan, malah kedudukan mimbar serta ruangan solat kekal sama sejak dari zaman dahulu.

"Malah, menara yang digunakan sejak zaman perang dulu juga kekal dipelihara, cuma apabila cat sudah mula luntur, kami cat semula warna yang sama bagi menampakkan sedikit pembaharuan.

"Bukan itu sahaja, perigi yang terletak di bahagian belakang masjid juga masih lagi wujud dan dipenuhi air.

"Pengunjung kebanyakannya tertarik dengan seni reka bentuk berkonsepkan Acheh yang mempunyai keunikannya tersendiri termasuk makam pengasas yang terletak di bersebelahan masjid," jelasnya.

Mengulas lanjut, Mujahid menyatakan bahawa lebih menarik lagi apabila pengunjung yang datang ke Masjid Melayu Lebuh Acheh adalah terdiri daripada pelancong luar negara yang bukan sahaja mahu bergambar kenangan-kenangan, malah turut berminat untuk mengetahui sejarah masjid berkenaan.

"Dianggarkan seramai 200,000

*(Sambungan di muka 2).*



**REKA bentuk dalaman masjid yang masih dikekalkan.**

(Sambungan dari muka 1).

# Harmoni, santuni semua

pengunjung datang ke masjid ini pada setiap tahun yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, negara dan lain-lain.

"Pihak masjid turut bekerjasama dengan pemandu pelancong yang ada terutamanya untuk memudahkan sesi penerangan lanjut mengenai masjid berkenaan.

"Jika ada pelancong yang berminat untuk mempelajari agama Islam, pihak kami juga akan membantu mengiringi dan memimpin mereka sehingga selesai," ujarnya yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

## Gerobok Rezeki

Bukan hanya berfungsi sebagai tempat beribadat sematamata, Mujahid memberitahu bahawa Masjid Melayu Lebuh Acheh juga berperanan untuk meringankan beban mereka yang memerlukan.

Beliau berkata, bagi memenuhi peranan masjid tersebut sebagai pusat kebajikan, pihaknya turut menyediakan sudut Gerobok Rezeki untuk membekalkan barangan keperluan harian.

"Sebulan sekali, pihak masjid serta penyumbang dana yang terlibat akan membeli barang keperluan dan kemudiannya meletakkan barangan berkenaan di tepi sudut masjid.

"Pada mulanya mereka segan untuk datang, oleh itu kami buka pada waktu yang ditetapkan dan mereka boleh mengambil barangan diperlukan pada bila-bila masa sahaja tanpa pemantauan sesiapa," jelasnya lanjut.

Tambah Mujahid, solat Jumaat di Masjid Melayu Lebuh Acheh tetap berlangsung dengan ruangan solat yang sangat kondusif selain khutbah diadakan dalam bahasa Melayu untuk lebih pemahaman.

"Sudah tentu jemaah akan disajikan dengan makanan dan minuman percuma, kami juga mengamalkan konsep *'open to receive'* bagi sesiapa yang ingin bersedekah atau menyumbang," ulasnya.

## Keistimewaan menjelang Ramadan

Mujahid menyatakan bahawa bulan Ramadan merupakan antara saat yang ditunggu-tunggu oleh golongan muslimin dan muslimat lokal kerana berkesempatan berbuka puasa bersama-sama qariah dan jemaah masjid yang lain.

Menurut beliau, Masjid Melayu Lebuh Acheh juga tidak ketinggalan apabila Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid akan bertungkus lumus memasang lampu untuk menjadikan suasana di malam hari lebih ceria dan meriah pada bulan Ramadan.

"Bukan itu sahaja, kami turut menyediakan juadah berbuka secara percuma sehingga 600 bungkus, malah jika terdapat penyumbang lain maka bertambahlah juadah berbuka kami, semua tahu di masjid ini bab makan memang menang sebab semuanya sedap-sedap belaka.

"Tidak hanya terhenti di situ, antara tarikan lain ialah menu istimewa kami iaitu bamia. Bamia merupakan juadah dari Timur Tengah yang mempamerkan bendi sebagai bahan utama kemudian disajikan dengan ayam, daging atau kambing.

> **"Sebulan sekali, pihak masjid serta penyumbang dana yang terlibat akan membeli barang keperluan dan kemudiannya meletakkan barangan berkenaan di tepi sudut masjid.**
>
> **- Mujahid Yusof Rawa**

"Bamia hanya akan disajikan semasa majlis makan rasmi atau istimewa sahaja kerana tidak ramai jemaah (wanita) di sini yang pandai menyediakannya sehingga membuat orang tertunggu kerana sangat terhad," ceritanya sambil menyatakan kelegaan apabila pandemik telah berlalu dan semua jemaah dapat berkumpul kembali.

Dalam pada itu, Mujahid turut menegaskan bahawa beliau sangat tidak setuju dengan sifat perkauman yang masih lagi ada dalam diri masyarakat umum kini.



**MENARA** yang digunakan sejak zaman perang dulu juga kekal dipelihara.

"Saya lebih sukakan suasana yang harmoni, tidak perlu kita berbalah dengan mereka yang berbeza agama dan bangsa, buktinya saya turut menyantuni mereka walaupun berlainan agama.

"Malah, bagi melambangkan sifat perpaduan antara kaum, kami turut mengadakan majlis berbuka puasa bersama-sama etnik lain (Kristian, Hindu, Buddha dan Taoism) serta berjalan dari masjid ini sehingga ke Gereja St. George kemudian berbuka puasa," jelasnya sambil menyatakan bahawa inisiatif berkaitan turut diiktiraf sebagai 'Jalan Harmoni' daripada Kerajaan Negeri.



**PERIGI** yang terletak di bahagian belakang masjid dan masih dipenuhi air.



**PARA** pelancong diberi penerangan khas mengenai asal usul sejarah Masjid Melayu Lebuh Acheh termasuk makam Tengku Syed Hussain Al-Aidid.

## Cabaran dan harapan

Tambah Mujahid, tidak lengkap sesebuah amal kebajikan tanpa sebarang cabaran.

Justeru, beliau bersyukur kerana tidak terlalu banyak rintangan dihadapi dan tetap konsisten mengatur pelbagai aktiviti dan program yang bermanfaat di Masjid Melayu Lebuh Acheh.

"Cabaran yang dihadapi adalah daripada segi halangan berbahasa *(language barrier)*, ditambah pula dengan pelancong dari luar negara yang tidak boleh bertutur bahasa Inggeris, sukar bagi pihak kami untuk bercerita lanjut.

"Semua pelancong luar yang datang berkunjung sangat tertarik untuk mengetahui latar belakang dan sejarah masjid ini, malah ada juga di antara mereka menyimpan risalah yang disediakan di suatu sudut khas untuk pengunjung bukan Muslim sebagai pendedahan untuk mereka.

"Selain itu, oleh kerana masjid ini terikat dengan Akta 645 maka banyak perkara tidak boleh diubah, terdapat juga rungutan yang inginkan penyaman udara dan sebagainya untuk keselesaan, namun semuanya memerlukan kertas kerja dan prosedur yang panjang.

"Oleh yang demikian, kami hanya mampu mengekalkan keaslian masjid ini, jika ada yang ingin beribadah di sini sangat dialu-alukan mengikut keselesaan masing-masing," jelasnya.

Berbicara mengenai harapan, Mujahid berharap agar Masjid Melayu Lebuh Acheh lebih dikenali umum dan sentiasa terbuka untuk semua pengunjung.

"Saya ingin memanjatkan rasa syukur kerana berjaya menonjolkan pengajaran baik kepada semua pihak sehingga membuatkan masjid ini tak putus dikunjungi.

"Jangan berasa segan dan silu untuk datang beribadah atau mempelajari Islam dan sejarah di sini kerana pihak kami sentiasa menerima kedatangan anda dengan hati yang terbuka," katanya menutup bicara.

# MPKK Sungai Kechil

## giatkan lagi program kebajikan rakyat



ABDUL Rahim Ahmad.

PADA 22 Oktober tahun lepas, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Kechil dekat Kawasan Parlimen Nibong Tebal dipilih sebagai MPKK Terbaik Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Menjadi johan peringkat daerah itu, melayakkan MPKK berkenaan bersaing pula peringkat negeri.

Justeru, pada 10 Februari 2023, MPKK Sungai Kechil dipilih sebagai MPKK kedua terbaik dalam Majlis Anugerah MPKK Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow diiringi Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sendiri menyampaikan trofi serta hadiah berupa wang tunai RM5,000 kepada Pengerusi MPKK Sungai Kechil, **ABDUL RAHIM AHMAD**.

Baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berpeluang mengadakan tinjauan lapangan ke sekitar kawasan Sungai Kechil serta menemu bual Abdul Rahim sendiri.

"Sejak Pakatan Harapan (PH) memerintah Negeri Pulau Pinang, saya telah melibatkan diri dalam MPKK (dulu dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Negeri, JKKKN).

"Cuma, menjadi Pengerusi MPKK ini selama tiga penggal pelantikan.

"Pada tahun 2012, MPKK Sungai Kechil pernah dipilih sebagai MPKK terbaik peringkat zon daerah ini (SPS).

"Pada waktu itu, dalam saingan peringkat negeri, nasib tak menyebelahi MPKK Sungai Kechil (yang mana) hanya membawa pulang hadiah sagu hati.

"Dapat hadiah sagu hati pun suatu pengiktirafan juga, pencapaian itu sedikit pun tidak mematahkan semangat kami, malah ia menjadi batu loncatan untuk MPKK Sungai Kechil memperbaiki kedudukan.

"Apabila MPKK Sungai Kechil dipilih sebagai MPKK ketiga terbaik peringkat negeri baru-baru ini, bagi saya secara peribadi adalah umpama *'come back'* atau kemunculan semula sebagai antara MPKK terbaik dalam kalangan kesemua 375 MPKK di negeri ini," jelasnya.

Buletin Mutiara difahamkan MPKK Kampung Melayu dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam muncul sebagai johan, membawa pulang trofi Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang Penggal 2021/2022 dan mendapat wang tunai berjumlah RM30,000.

Tempat kedua dalam majlis anugerah sama pula diraih oleh MPKK Cheruk Tok Kun dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000.

MPKK Gertak Sanggul dan MPKK Pongsu Seribu masing-masing mendapat tempat keempat dan kelima MPKK terbaik peringkat negeri bagi penggal pentadbiran tahun 2021/2022 dengan membawa pulang hadiah sagu hati berupa tunai RM1,500.

Bercerita lanjut, Abdul Rahim berkata bahawa sepanjang penggal pentadbiran tahun 2021/2022, MPKK Sungai Kechil cuba menganjurkan program-program yang boleh merelevankan kehendak komuniti setempat dengan Visi Penang2030 yang digagaskan oleh

> **Mendapat kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah SPS di Jalan Bukit Panchor, kami membantu pihak berkenaan membawa keluar pekerja asing dari ladang-ladang sekitar kawasan di sini, bagi mendapatkan suntikan vaksin.**
>
> **- Abdul Rahim Ahmad**

Kerajaan Negeri pada hari ini.

"Semasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) masih dikuatkuasakan bagi memutuskan rantaian perebakan COVID-19, MPKK Bukit Kechil terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan program vaksinasi peringkat lokal.

"Mendapat kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah SPS di Jalan Bukit Panchor, kami membantu pihak berkenaan membawa keluar pekerja asing dari ladang-ladang sekitar kawasan di sini, bagi mendapatkan suntikan vaksin.

"Rata-rata mereka adalah pendatang tanpa izin (PATI), mereka bekerja di ladang-ladang dan tak berani 'keluar' untuk mendapatkan vaksin disebabkan tiada dokumen yang sah.

"Sebagai Pengerusi MPKK Bukit Kechil, kita sedar mengenai peri penting menjayakan program imuniti kelompok yang bukan sahaja mesti melibatkan seramai mungkin warganegara, bahkan pekerja asing juga termasuk PATI di ladang-ladang sekitar kawasan di sini," ujarnya.

Hasil perbincangan pelbagai pihak pemegang taruh, Abdul Rahim memberitahu bahawa MPKK Sungai Kechil menggembleng ahli jawatankuasanya untuk menjayakan program membawa keluar pekerja asing termasuk PATI berkenaan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac) dekat Bukit Jawi Golf Resort pada waktu itu.

"Kita berpakat dengan Pejabat Kesihatan di Jalan Bukit Panchor ini, mereka menggunakan satu sistem pendaftaran yang membolehkan mereka tanpa dokumen sah, turun mendapat vaksin berwajib,'' ulasnya sambil memuji semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam menjayakan program imunisasi kelompok peringkat lokal tersebut.

### Program pemerkasaan lokal - Program Anak Emas

Menurut Abdul Rahim, MPKK Sungai Kechil juga turut giat menganjurkan program pemerkasaan komuniti lokal seperti kejohanan sukan, majlis ziarah golongan terpilih dalam kalangan 'orang susah' dan gotong-royong peringkat tempatan dan sebagainya.

"Semua program ini turut dimuatkan dalam buku laporan bertulis dan mungkin program-program ini juga antara kriteria yang diambil kira oleh para juri dalam memberi Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri," katanya yang berkhidmat sepenuh masa sebagai Pengerusi MPKK Bukit Kechil.

Tambah beliau, MPKK Bukit Kechil boleh dikatakan 'bertuah' kerana mempunyai sebuah dewan dan gelanggang futsal sendiri dan sebagainya yang mana semua kemudahan awam tersebut sehingga kini mampu menjana pulangan kepada MPKK lokal seterusnya boleh dipulangkan dalam bentuk program kebajikan kepada masyarakat setempat.

"Di Kawasan Bukit Kechil ini, kami ada buat Program Anak Emas kami sendiri.

"Mereka yang bermastautin sekarang-kurangnya tiga bulan di kampung ini, bagi bayi baru lahir layak menerima RM150 dalam bentuk barang dan wang tunai.

"Syarat lain bagi layak menerima skim ini adalah pengundi Pulau Pinang juga, kita (MPKK Sungai Kechil) 'tiru' Program Anak Emas yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri.

"Jadi, kita sebagai MPKK Bukit Kechil akan ziarah rumah mereka sambil membawa barang serta wang tunai di bawah Program Anak Emas yang kita sendiri buat, ala-ala Program Anak Emas yang berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di kelima-lima daerah dekat negeri Pulau Pinang ini.

"Dana bagi menjayakan Program Anak Emas khusus untuk kawasan pentadbiran MPKK Sungai Kechil ini adalah hasil kutipan sewa gelanggang futsal dan sebagainya… pada sebelah malam terutamanya mulai 8 malam hingga 12 tengah malam," ujarnya sambil menunjukkan gambar berkaitan yang turut dimuatkan dalam buku laporan MPKK Sungai Kechil Bagi Penggal Pentadbiran Tahun 2021/2022.

Abdul Rahim memberitahu bahawa pada sebelah siang gelanggang sama boleh disewa untuk sukan takraw.

### Cabaran

Sebagai ejen pengantara bagi pihak Kerajaan Negeri dan komuniti lokal, beliau menyatakan bahawa MPKK Sungai Kechil sehingga kini sedang giat mencari jalan dengan semua pihak berwajib untuk menyelesaikan isu bencana banjir peringkat tempatan.

*(Sambungan di muka 4).*

(Sambungan dari muka 3).

# Berganding tenaga perkasa komuniti lokal

"Antara isu malar segar yang menjadi fokus peringkat MPKK Sungai Kechil bagi meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat adalah isu banjir.

"Di kampung ini, isunya adalah banjir, kerana kedudukan penempatan adalah berhampiran sungai.

"Apabila berlaku banjir di sebelah Serdang, Kedah, kemudian bertembung pula dengan air hujan lebat di Sungai Kechil, ditambah dengan pasang air laut, sekitar kawasan rendah di Sungai Kechil pasti banjir.

"Tetapi, pada tahun lepas (2022), JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) telah mendapat peruntukan untuk mendalamkan dan melebarkan sungai di sini.

"Mungkin projek JPS itu akan melibatkan pengambilan balik tanah juga, maka, kita (MPKK Sungai Kechil) harap projek tersebut dimulakan dalam tahun ini (2023) juga," jelasnya lanjut sambil memberitahu bahawa peringkat MPKK turut mempunyai sistem pengurusan banjir peringkat lokal dengan bantuan daripada Jabatan Pengurusan Bencana di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Di samping itu, Abdul Rahim menyatakan bahawa beliau secara peribadi wajar merakamkan penghargaan kepada *Islamic Relief Malaysia* kerana dalam tempoh hampir lima tahun lepas pernah menaja beberapa program pemerkasaan komuniti peringkat lokal.

Mengulas lanjut, menurut beliau, pertubuhan bukan kerajaan tersebut (NGO) terlibat dalam menjayakan beberapa program seperti Rumah Terbuka Aidilfitri serta Kembali Ke Sekolah yang melibatkan pelajar-pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40).

"Sehingga kini hubungan strategik antara *Islamic Relief Malaysia* dengan MPKK Sungai Kechil masih wujud, paling saya ingat mereka menaja sekumpulan penduduk kampung untuk mengikuti kursus perladangan cendawan secara komersial," ujarnya.

## Harapan

Tanpa menoleh ke belakang, Abdul Rahim berkata bahawa beliau secara peribadi yakin MPKK Sungai Kechil pada masa akan datang boleh melakukan lebih banyak lagi program kebajikan rakyat, seterusnya melayakkan ia dipertimbang sebagai penerima Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang.

"Ada hikmahnya juga MPKK Sungai Kechil dipilih mendapat MPKK terbaik, kalau ada rezeki kita berpeluang untuk menyertai saingan dalam Majlis Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang yang akan datang.

> **Saya tengok industri cendawan ini ada permintaan yang bagus, orang kampung akan beli dengan harga RM12 sekilogram; berapa banyak pengeluaran harian pun akan ada agen pemborong datang ambil dengan harga yang sedikit rendah tetapi masih berbaloi (iaitu) RM9 sekilogram.**
>
> **- Abdul Rahim Ahmad**

"Macam sekarang, salah satu projek yang telahpun dilaksanakan dan menjana pulangan hasil kepada MPKK Sungai Kechil adalah ladang mini cendawan.

"Dengan bantuan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, sekarang kita ada 2,000 bongkah pokok cendawan, peruta hasil setiap hari dalam 8 kilogram (kg).

"Dengan adanya projek ladang mini cendawan ini, MPKK ada hasil tambahan lagi.

"Saya tengok industri cendawan ini ada permintaan yang bagus, orang kampung akan beli dengan harga RM12 sekilogram; berapa banyak pengeluaran harian pun akan ada agen pemborong datang ambil dengan harga yang sedikit rendah tetapi masih berbaloi (iaitu) RM9 sekilogram.

"Dengan MPKK Sungai Kechil terlibat dalam industri ladang mini cendawan ini, membolehkan orang kampung berniaga cendawan goreng dan menambahkan juga pendapatan mereka.

"Saya tidak pasti mengapa ada permintaan yang tinggi dalam industri cendawan ini, mungkin datang daripada sektor kosmestik dan daam sebagainya yang mana peringkat MPKK Sungai Kechil dalam usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran kita sebab kita ada bank tanah TOL (Lesen Pendudukan Sementara) milik Kerajaan Negeri yang boleh kita mohon untuk dipertimbangkan.

"Oleh kerana projek ladang mini cendawan ini tidak sempat dimuatkan dalam buku laporan pentadbiran MPKK Sungai Kechil, mungkin projek ini salah satu yang akan kita pertaruhkan jika berpeluang menyertai Majlis Anugerah MPKK Terbaik Peringkat Negeri Pulau Pinang akan datang," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa MPKK Sungai Kechil yang saling berganding tenaga dalam memperkasakan komuniti lokal dalam aspek kebajikan dan ekonomi rakyat.



ABDUL Rahim Ahmad membuat pemeriksaan terhadap cendawan yang diusahakan.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# *'Innospark Penang'*, inisiatif baharu kuasai STEM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), baru-baru ini *Tech Dome Penang* (TDP) meluncurkan inisiatif baharu dikenali sebagai *'Innospark Penang'*.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata bahawa inisiatif terbaharu itu menyasarkan untuk menarik minat para pelajar menguasai STEM melalui pertandingan dan projek inovasi.

"Inisiatif *'Innospark Penang'* ini merupakan program unik dicipta untuk meningkatkan minat, kreativiti dan penguasaan (STEM) dalam kalangan generasi muda kini, khasnya pelajar.

"Selain itu, inisiatif ini juga menyediakan pengenalan STEM yang menarik serta boleh akses kepada dunia pengekodan dan bakal menjadi 'pintu' kepada generasi muda untuk mengasah potensi mereka sebagai pencipta serta penyelesai masalah.

"Lagipun, menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan generasi pemikir dan golongan muda ini dilengkapi dengan kemahiran serta pengetahuan baik untuk memanfaatkan pengaturcaraan teknologi seterusnya menyumbang terhadap landskap digital dunia yang sentiasa berkembang pesat," ujarnya yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Penang Tech Centre Berhad peneraju TDP ketika menyempurnakan majlis perasmian berkaitan di sini 30 Mac lalu.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (tiga dari kanan) bersama barisan jemputan lain meneliti contoh ciptaan konsep rumah pintar yang bakal dihasilkan melalui inisiatif 'Innospark Penang' bersempena majlis perasmian program berkaitan di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Uban, A. Kumaresan; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Ketua Pegawai Eksekutif TDP, Khoo Boo Wooi.

Dalam pada itu, Ramasamy yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Sains & Teknologi memaklumkan bahawa *'Innospark Penang'* mempunyai tiga teras utama.

"Teras pertama, inisiatif ini menawarkan beberapa siri bengkel praktikal yang direka khas untuk para pelajar mengenali konsep pengaturcaraan komputer dengan cara menyeronokkan dan menarik.

"Para pelajar akan ditugaskan untuk mencipta konsep rumah pintar menggunakan Sistem Maker Uno iaitu papan peranti yang direka khas untuk pengekodan dan elektronik.

"(Dan) melalui tugasan tersebut, pelajar akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan serta kreativiti mereka apabila membangunkan konsep rumah pintar masing-masing," jelasnya.

Teras kedua pula, Ramasamy memberitahu bahawa inisiatif tersebut mempunyai sistem bimbingan dan sokongan yang menjadi 'kunci kejayaan' dalam dunia pengaturcaraan komputer.

"Oleh itu, *'Innospark Penang'* juga akan menghubungkan pelajar secara profesional dengan mentor berpengalaman yang memberi bimbingan, pandangan serta sokongan sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

"(Dan) untuk teras ketiga, adalah budaya kerjasama yang mana pihak TDP berhasrat untuk meningkatkan kerjasama melalui persaingan sihat, bukan sahaja meningkatkan semangat setiakawan malahan juga kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif," katanya.

Sementara itu, Boo Wooi berkata bahawa pihaknya menyasarkan seramai 2,400 pelajar dari 80 sekolah rendah di negeri ini menyertai inisiatif tersebut.

"Latihan disediakan kepada mentor dan bermula Mei sehingga Disember nanti, mentor-mentor ini akan melatih para pelajar secara berperingkat," katanya.

ECO HORIZON
BASK IN ENDLESS ELEGANCE

BELDON
COLLECTION

RUMAH BERKEMBAR

EcoWorld mempersembahkan Koleksi Beldon di Eco Horizon - pembangunan seluas 48.86 ekar yang berpagar dan berkawal di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

*(Harga selepas bumiputera diskaun)*

Harga Minima : RM1,467,750.00
Harga Maksima : RM3,237,595.00

Untuk Bumiputra kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
**04 227 2255**




Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuh Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No Lesen Pemaju: 19152-5/10-2023/0734 (L) | Tempoh Sah: 23/10/2021 – 22/10/2023 | No Permit Iklan & Jualan: 19152-5/10-2023/0734 (P) | Tempoh Sah: 23/10/2021 – 22/10/2023 | Hakmilik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | No Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-73/79 (Fasa 8) & MPSP/40/20-73/78 (Fasa 9) | Tarikh Dijangka Siap: Okt 2024 | Jenis Pembangunan: Rumah Sesebuah, Jenis BG1,BG1A,BG2,BG3,BG3A,BG5A,BG6,BG7 Jumlah Unit: 47, Keluasan Binaan: Minimum: 3,200 kaki persegi, Maksimum: 3,600 kaki persegi. Harga Minimum: RM 2,361,000.00, Harga Maksimum: RM 3,237,600.00. | Rumah Berkembar, Jenis SD1A,SD1B,SD1C,SD2A,SD2B,SD2C,SD2D,SD2E Jumlah Unit: 58 (Fasa 8), 76 (Fasa 9) | Keluasan Binaan: Minimum: 2,467 kaki persegi, Maksimum: 2,620 kaki persegi. Harga Minimum: RM 1,545,000.00, Harga Maksimum: RM 1,965,600.00 (Fasa 8), Harga Minimum: RM 1,641,600.00, Harga Maksimum: RM2,085,600.00 (Fasa 9) | Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5%. | Kesemua ilustrasi hanya tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubah suai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan/atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

A JOINT DEVELOPMENT BY
ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND
KWSP EPF



**RAKAMAN gambar lama Pak Yus semasa menuntut di IKM menjadi kenangan terindah baginya.**

# *'Dad My Love'*

# Pak Yus tonjol

**SEJAK** berkecimpung dalam perniagaan keluarga kira-kira 45 tahun lalu, **YUNOOS SALLEH**, 67, atau lebih mesra disapa sebagai 'Pak Yus' masih lagi meneruskan pekerjaan menggunting rambut sehingga kini.

Difahamkan, Pak Yus merupakan generasi kedua yang menyambung perniagaan kedai gunting rambut daripada arwah bapanya manakala anak lelaki sulungnya merupakan generasi ketiga membuka perniagaan yang sama tetapi berkonsepkan lebih moden.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu bual Pak Yus untuk melihat sendiri konsep yang diketengahkan beliau dalam menerajui perniagaan tersebut.

## Latar belakang

Menurut Pak Yus, perniagaan tersebut diasaskan oleh bapa beliau yang pada mulanya melakukan pekerjaan menggunting rambut di kediaman milik keluarga mereka sebelum berpindah ke lot kedai.

"Saya sempat bekerja dengan bapa sejak berumur 15 tahun dan pada ketika itu saya amat meminati bidang hiasan rambut.

"Walaupun banyak ilmu dan pengalaman diperoleh sepanjang bersama arwah ayah, saya tetap berasa masih belum cukup dan perlu belajar lebih banyak lagi.

"Oleh itu, saya memasuki Institut Kemahiran MARA (IKM) dekat Petaling Jaya selama setahun enam bulan dalam jurusan hiasan rambut dan solekan.

"Setelah menamatkan pelajaran, saya kembali semula ke tempat kelahiran dan memulakan perniagaan dekat Komtar sekitar tahun 1980," ujarnya yang juga bapa kepada empat cahaya mata.

Menariknya, Pak Yus turut berbakat dalam bidang solekan dan mengambil tempahan untuk solekan pengantin bagi majlis perkahwinan serta majlis-majlis rasmi.

"Pada awalnya, saya mula berniaga di Komtar dan mengambil tempahan untuk hiasan rambut serta solekan pengantin (uniseks).

"Selepas itu, sekitar tahun 1990, anak saudara saya pula mula mengambil alih perniagaan di Komtar dan sehingga kini premis in masih lagi beroperasi.

"Kemudian, anak sulung saya yang turut meminati bidang ini memulakan pula perniagaannya sendiri di sekitar Tanjung Tokong dan kini telah berpindah ke lot kedai di kawasan Lebuh Acheh.

"Saya juga tidak ketinggalan memulakan *'Dad My Love Barbershop'* ini bersebelahan dengan anak saya dan menyajikan konsep berbeza yang lebih *'old school'*," ujarnya sambil menyatakan bahawa premis perniagaannya sudah beroperasi selama 11 tahun.

## Sumber rezeki

Sambil menyingkap semula perjalanan perniagaan kedai gunting rambut yang diusahakan itu, Pak Yus turut bercerita mengenai pengalaman pahit manis hidupnya.

"Bagi orang lama, pekerjaan ini tidaklah sehebat mana, malah ada juga yang memandang rendah kerana pendapatan yang diperoleh tidak tetap.

"Ketika itu, hendak meminang anak dara orang pun susah bagi yang bekerja sebagai penggunting rambut berbanding pekerjaan lain yang lebih baik… tiada nilai hormat terhadap penggunting rambut pada waktu itu.

"Bagi saya sendiri, asalkan perniagaan ini dapat memastikan makan dan pakai kami mencukupi pun sudah memadai… tiada istilah bermewahan," luahnya.

Disebabkan pengalaman beliau yang mencecah puluhan tahun, Pak Yus sememangnya menggalakkan anak muda untuk menceburi bidang ini sebagai punca pendapatan.

"Kini memang trend anak muda membuka kedai gunting rambut sendiri, malah pekerja di sini semuanya dari lulusan GIATMARA .

"Mereka bermula sebagai pelajar praktikal kemudian terus diserap masuk ke sini, sesungguhnya saya memberi galakan kepada mereka untuk mencari pengalaman bukan sahaja di Malaysia, malah juga di luar negara kerana bayaran di sana lebih tinggi.

"Kemahiran dan seni yang ada pada diri perlulah digunakan sebaiknya," serunya.

Pak Yus menyatakan bahawa pihaknya turut membuat kerja amal dengan menganjurkan sesi gunting rambut secara percuma setiap tahun khususnya di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Masjid Melayu Lebuh Acheh.

## Promosi cara lama

Nama Pak Yus sememangnya tidak asing lagi dalam kalangan penduduk di negeri ini menyebabkan jumlah pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan di kedai gunting rambut beliau sentiasa bertambah.

"Secara jujurnya, saya orang lama dan tidak tahu menggunakan teknologi masa kini, oleh itu orang hanya



**PREMIS *'Dad My Love Barbershop'* yang terletak di Lebuh Acheh.**



**PAK Yus merakam gambar di hadapan premisnya.**

# Barbershop' konsep klasik


SALAH seorang pelanggan muda yang mendapatkan perkhidmatannya.

mengenali saya dari mulut ke mulut.

"Melalui cara itu, mereka akan mengambil nombor telefon saya dan hubungi untuk membuat tempahan atau janji temu.

"Berbalik pada konsep juga, saya ingin mengekalkan nilai klasik, sebab itu hiasan dalaman kedai tak ubah seperti zaman dahulu sambil ditemani radio lama mendendangkan lagu-lagu tahun 80-an," katanya sambil menceritakan bahawa pemimpin politik dan artis tempatan tanah air turut mengunjungi kedainya.

### Cabaran dan harapan

Bagi Pak Yus, tiada perniagaan yang bermula tanpa sebarang rintangan dan begitu juga dengan beliau. Namun begitu, apa juga rintangan yang dihadapi, beliau tidak pernah mengenal erti putus asa.

"Saya pun dah berumur 67 tahun dan akan bersara nanti, sudah selesai tanggungjawab saya menurunkan ilmu kepada mereka yang datang menuntut.

"Jika diimbas sewaktu awal berniaga dulu, saya memang banyak bersabar kerana menjalankan perniagaan ini tidak mudah, tambahan pula kawasan ini pada awalnya memang 'mati' jadi agak susah untuk berkembang.

"Lantaran itu, saya mencari solusi terbaik serta belajar daripada kesilapan yang dilakukan terutamanya dalam menjaga kualiti dan seni menggunting.

"Kalau hendak cepat senang, kita perlu menjaga kualiti baru dapat kuantiti yang baik," tegasnya.

Berbicara mengenai harapan, Pak Yus berharap agar dapat mengasaskan akademinya sendiri suatu hari nanti.

"Sepanjang berniaga, saya telah mengeluarkan produk dan mempunyai jenama sendiri dan jika tiada aral melintang, saya ingin membuka akademi sendiri pula.

"Seperti yang saya katakan, saya amat menggalakkan anak-anak muda untuk menceburi bidang yang mereka minati dan berkembang dengan maju serta jangan takut untuk mencuba," katanya menutup sesi wawancara.


18 UNIT KONDOMINIUM UNTUK DIJUAL
LOT UNTUK ORANG MELAYU

CCC telah diperolehi

Jenis A
(Tingkat 8 - 13)
24 unit
Luas Binaan:
2,110 kp
Anjung Kereta: 2



HARGA
Dari RM 1,491,600.00
hingga RM 1,970,800.00

Jenis B
(Tingkat 14 - 22)
36 unit
Luas Binaan:
2,670 kp
Anjung Kereta: 3





DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

HAKMILIK KEKAL

LOKASI
VALENCIA RESIDENCE
VALENCIA, JALAN TELUK KUMBAR,
11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG




AMAN SURIA BINA SDN BHD (884923-D)
NO. 2,3, JALAN PERMATANG GEDUNG, TAMAN SEJATI INDAH, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH DARUL AMAN
HUBUNGI: 04-431 6688
amansetia.com

# Empat atlet olahraga galas cabaran negara


(Dari kiri), WILSON Quaik Zhen Han, J. Pavithraa Devi dan Sriven Tan memberi pose istimewa di hadapan plat tanda MSNPP seusai sesi wawancara di sini baru-baru ini.

**SUKAN** Asia Tenggara (juga disebut sebagai Sukan SEA atau SEAG) Edisi Ke-32 di Phnom Penh, Kemboja bakal membuka tirainya pada 5 hingga 17 Mei ini.

Susulan itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah mengeluarkan senarai atlet negeri yang terpilih ke temasya sukan dwitahunan membabitkan 11 negara Asia Tenggara berkaitan.

Seramai 60 atlet negeri dalam pelbagai jenis acara bakal beraksi dalam temasya sukan itu antaranya olahraga, badminton, renang, billiard, gimnastik artistik, judo, karate, lawan pedang (fencing), floorball, bola keranjang dan tinju.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **SIEW CHIA EN** sempat menemu bual tiga daripada empat atlet olahraga negeri yang bakal menyertai temasya sukan tersebut pada bulan hadapan di Kompleks MSNPP dekat Batu Uban.

**J. PAVITHRAA DEVI, SRIVEN TAN** dan **WILSON QUAIK ZHEN HAN** merupakan atlet olahraga negeri yang bakal menggalas cabaran besar ke Sukan SEA.

Ketika ditemui, ketiga-tiga atlet tersebut baru sahaja selesai sesi latihan pada sebelah pagi yang bermula seawal jam 7 pagi.

Menurut Pavithraa Devi, sejak namanya tersenarai antara atlet negeri bakal ke Sukan SEA, rutin latihan hariannya menjadi lebih fokus.

"Penyertaan ke Sukan SEA kali ini merupakan penyertaan kali keempat saya, dan kali ini saya membawa cabaran bagi acara merejam lembing.

"Selepas disenaraikan (untuk ke Sukan SEA 2023) rutin latihan harian saya menjadi lebih fokus yang mana sebelum ini latihan fizikal melibatkan larian 100 meter, tetapi kali ini lebih fokus kepada teknikal, ketangkasan, kelajuan dan stamina," ujar atlet berusia 24 tahun itu.




**Wawancara khas:**
**SUKAN SEA**
**Phnom Penh, Kemboja**

Perkara itu turut dirasai oleh atlet lumba jalan kaki berusia 18 tahun, Sriven Tan yang sebelum ini menjalani latihan untuk 10,000 meter.

Bagi Sriven Tan, sesi latihan selama enam hari seminggu pada sebelah pagi dan petang banyak membantu meningkatkan keupayaan fizikalnya.

"Sebelum ini, rutin latihan harian adalah untuk 10,000 meter tetapi kali ini (untuk Sukan SEA) saya berlatih untuk 20,000 meter, jadi kaedah latihan adalah berbeza, adakala latihan mencecah sehingga 25,000 meter," katanya yang pertama kali menyertai temasya berprestij tersebut.

Sriven Tan yang baru sahaja selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini dilatih oleh bapanya, Tan Chee Leong yang juga merupakan atlet lumba jalan kaki bagi negeri Pulau Pinang.

Lebih membanggakan, bukan setakat bapa sahaja, ibu Sriven Tan iaitu D. Kavitha juga merupakan atlet lumba jalan kaki mewakili Pulau Pinang suatu masa dahulu.

Manakala bagi Zhen Han pula, sesi latihan harian tidak banyak berbeza, sebaliknya menumpukan perhatian terhadap pencapaian 10 acara gabungan dalam dekatlon.

"Saya juga berlatih selama enam hari yang mana setiap hari dua sesi latihan tetapi setiap sesi adalah berbeza acara.

*(Sambungan di muka 15).*



# Usaha PCA popularkan semula sukan kriket diiktiraf



T. Yoganraj (kanan) dan Dr. K. Shankar menunjukkan anugerah yang diterima oleh Persatuan Kriket Pulau Pinang.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**USAHA** dan komitmen berterusan Persatuan Kriket Pulau Pinang (PCA) dalam mempopularkan semula sukan itu di negeri ini membuahkan hasil apabila berjaya merangkul tiga anugerah daripada Persatuan Kriket Malaysia (MCA) baru-baru ini.

Presiden PCA, **T. YOGANRAJ** berkata, anugerah tersebut diterima PCA pada Malam Anugerah Kriket Malaysia 2023 anjuran MCA yang berlangsung di Klang, Selangor pada 11 Mac lalu.

Menurut beliau, anugerah tersebut diberikan sebagai tanda penghargaan MCA terhadap prestasi cemerlang ditunjukkan oleh atlet, pegawai, sukarelawan serta mereka yang menyumbang kepada pembangunan dan populariti sukan kriket di negara ini.

"Pencalonan bagi anugerah ini dikemukakan oleh gabungan persatuan kriket dari semua negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

"Malam Anugerah Kriket Malaysia boleh dianggap sebagai pengiktirafan sebenar terhadap pencapaian dan menghargai semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh para penerima.

"Pada malam itu, PCA berjaya menggondol dua daripada lima anugerah iaitu *'Best Junior Participation Initiative'* dan *'Best Cricket Promotion and Marketing Program'* termasuk satu anugerah individu *'Mahinda Vallipuram Commitment Award'*," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui dekat Taman Sri Rambai, Padang Lalang pada 15 Mac lalu.

Mengulas lanjut mengenai anugerah yang diterima, Yoganraj menjelaskan bahawa *'Mahinda Vallipuram Commitment Award'* dianugerahkan kepada individu atas komitmen terhadap pembangunan sukan kriket di negara ini.

"Mahinda Vallipuram merupakan mantan Presiden Persatuan Kriket Malaysia yang pernah dilantik sebagai salah seorang anggota Majlis Kriket Asia (ACC) dan beliau sangat berjasa dalam perkembangan sukan kriket di negara ini.

"Sementara itu, dua anugerah pembangunan yang diterima PCA pula adalah suatu bentuk pengiktirafan kepada persatuan, institusi serta kelab negeri yang telah menunjukkan komitmen terhadap pembangunan sukan kriket.

"Antara usaha yang dijalankan adalah mempergiatkan aktiviti promosi sukan kriket melalui laman sosial *Facebook* untuk menguar-uarkan aktiviti terkini yang dianjurkan oleh PCA.

"Kami juga wujudkan satu komuniti *(Penang Cricket Association)* yang berkomunikasi melalui aplikasi *WhatsApp* untuk mengemas kini aktiviti terkini sama ada setiap hari atau setiap minggu.

"Oleh itu, semua pihak terutamanya ibu dan dapat mengetahui perkembangan terkini berkaitan aktiviti yang dijalankan oleh PCA melalui telefon pintar mereka.

"Selain itu, kami juga mengumpulkan semua pemain dan anggota persatuan kriket khususnya atlet profesional kebangsaan untuk menyumbang sama ada tenaga atau idea dalam mengembangkan lagi sukan ini di Pulau Pinang," ujarnya yang merupakan penerima bagi *'Mahinda Vallipuram Commitment Award'* pada tahun ini.

Justeru, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng serta Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee kerana sentiasa memberikan sokongan kepada PCA.

"Kami percaya dengan sokongan yang diberikan ini, kita akan dapat menyaksikan peningkatan prestasi sukan kriket di Pulau Pinang.

"Penyediaan ekosistem kriket yang lebih baik mampu melahirkan lebih ramai pemain profesional di negeri ini," ujarnya sambil berharap sukan kriket lebih diminati oleh penduduk tempatan.

Difahamkan, tiga lagi anugerah yang disampaikan pada malam berprestij tersebut iaitu *'Best Overall Cricket Development Program'*, *'Best Women's Cricket Initiative'* dan *'Best Spirit of Cricket Initiative'*.

## Perancangan semasa

Ditanya mengenai perancangan terkini pembangunan kriket di Pulau Pinang, Setiausaha PCA, **DR. K. SHANKAR** berkata bahawa pihaknya sedang berusaha membina tempat latihan khas di padang awam milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dekat Padang Lalang.

"Kita sudah buat permohonan kepada Jabatan Landskap MBSP untuk gunakan padang ini sebagai tempat latihan dan harap ia dapat diluluskan secepat mungkin.

"Sekiranya diluluskan, kita akan membina tempat latihan yang sama dengan tempat latihan yang atlet biasa gunakan yang mana pada bahagian bawah kita akan gunakan konkrit manakala bahagian atas akan dipasang dengan jaring untuk tujuan keselamatan.

"Kita juga akan memasang lampu limpah untuk membolehkan mereka yang mempunyai kekangan selepas waktu bekerja boleh menjalani latihan di sini pada waktu malam.

"Walaupun padang ini tidak luas seperti padang kriket sebagaimana yang lazimnya tetapi ia sudah mencukupi untuk atlet menjalani latihan memukul bola seperti latihan sebenar," ulasnya lanjut.

## Menubuhkan akademi

Pada masa sama, kata Shankar, PCA juga telah menubuhkan akademi yang beralamat di 49, Lorong Tembikai 3, Bukit Mertajam sebagai langkah lebih serius untuk mengembangkan lagi sukan kriket.

"Bangunan yang digunakan sebagai akademi sebenarnya kami sewa daripada YB Chong Eng (ADUN Padang Lalang) untuk tempoh 10 tahun dan dibiayai sepenuhnya oleh PCA.

"Di akademi ini, kami juga sediakan hostel yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti katil, dapur, tandas, bilik mandi serta kelengkapan komputer untuk membolehkan belajar dapat mengulang kaji pelajaran di sini.

"Selain itu, kami juga menyediakan kemudahan peralatan gimnasium untuk membolehkan para atlet menjalani latihan fizikal di sini.

"Kelengkapan untuk sukan kriket seperti kayu pemukul, bola, sarung tangan serta kelengkapan keselamatan yang lain juga kami sediakan di sini," jelasnya.

Walau bagaimanapun, Shankar berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat menyediakan tanah khusus untuk sukan kriket bersama sukan-sukan lain bagi membolehkan atlet menjalani latihan dengan lebih efektif dan selesa.

"Sementara itu, kami sedang mencuba pelbagai cara termasuk berbincang dengan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menggunakan padang di universiti awam itu untuk menjalani latihan dengan kos yang lebih efektif," ujarnya.



PERALATAN kriket yang disediakan untuk para atlet menjalani latihan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
